

Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO

JAMAIE HAJI HAMIL

ABSTRAK

Artikel ini cuba menyorot tentang dinamisme pola kepimpinan politik Melayu khususnya dalam UMNO. Sebuah sistem politik yang stabil sangat bergantung kepada keupayaan pemimpin yang memiliki autoriti untuk menjalankan tanggungjawabnya dalam mengatasi sebarang konflik. Kegagalan pemimpin diukur dari keruntuhan sistem politik yang menggambarkan juga tahap keupayaannya mengawal dan menjalankan autoriti yang ada padanya. Kejayaan seorang pemimpin pula akan dinilai dari segi kemampuannya mengendalikan autoriti serta memanipulasi kuasa sama ada untuk memelihara institusi politik yang mendukungnya atau untuk mengembangkan pembangunan politik yang berada di bawah tanggungjawabnya. Dengan menggunakan kerangka konseptual kepimpinan politik, kajian ini mendapati bahawa wujud dinamisme pola kepimpinan antara keempat-empat Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri. Pola kepimpinan konservatif dan toleransi wujud di era Tunku yang didukung oleh model kepimpinan autoriti tradisi. Era Tun Razak menampakkan pola kepimpinan progresif dan serius kerana didukung oleh model kepimpinan autoriti perundangan. Tun Hussein Onn pula membawa pola kepimpinan yang monoton tetapi harmoni kerana tidak banyak transformasi yang mampu dilakukan terhadap autoriti yang diberikan kepadanya. Manakala pola kepimpinan lebih liberal muncul ketika era Mahathir. Beliau juga memiliki autoriti karismatik yang terserlah dalam kepimpinan politiknya.

ABSTRACT

This article deals with the dynamism of Malay political leadership in UMNO. A stable political system requires leaders fulfilling their responsibility at the same time confronting any conflicts. The failure to do so would reflect their inability and unaccountability as leaders. Leadership is also measureable in terms of the extent of handling power and manipulating it for the sake of institutional preserverance and political development. By utilising the concept of political leadership, the research established the dynamic pattern of the four UMNO presidents. Tunku's charismatic and traditional leadership can be explained by the traditional authority model while Razak leadership can be argued to be more progressive from a legal-rational leadership model. Hussein is more monotonous in his leadership style while Mahathir as the

UMNO president since 1981 is deemed to be more liberal and charismatic in his political leadership.

PENGENALAN

Artikel ini cuba meninjau ciri kepimpinan politik Melayu dengan merujuk kepada kepimpinan UMNO. Tinjauan ini juga cuba menelusuri sejauh mana terdapat transformasi pola kepimpinan dalam pelbagai dimensi yang telah berlaku pada era Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussein Onn dan Mahathir. Pemilihan keempat-empat tokoh ini dibuat kerana kajian ini bertujuan menganalisis ciri kepimpinan mereka yang bertolak dari tahun 1957, iaitu sejak merdeka hingga kini. Keempat-empat tokoh ini berperanan besar dalam mewarnai kepimpinan politik Melayu dan mencorak politik Malaysia pasca merdeka. Tinjauan ini tidak melihat perubahan secara mendasar pada akar umbi politik Melayu, iaitu kepimpinan di peringkat bawahan dan perubahan keanggotaan dalam parti. Sebaliknya, satu analisis dibuat mengenai tindakan dan pendekatan yang diambil oleh kepimpinan tertinggi UMNO selaku presiden parti dan Perdana Menteri yang bersandarkan prima kausa yang pula menjadi asas operasionalnya. Pola kepimpinan mereka mempunyai ciri-ciri khusus terutama dalam model kepimpinan masing-masing.

Artikel ini akan membincangkan beberapa ciri yang wujud dalam kepimpinan politik Melayu yang berteraskan UMNO bermula pada era Tunku Abdul Rahman (1957-1970), Tun Abdul Razak (1970-1976), Tun Hussein Onn (1976-1981) dan Tun Dr. Mahathir (1981-2003). Perbincangan ini bersandarkan konsep autoriti dan karisma sebagaimana diketengahkan oleh Max Weber (1968) yang antara lain menegaskan pentingnya sistem politik untuk menunjang ketokohan kepimpinan mereka. Andaiannya ialah tanpa sistem dan organisasi, tokoh-tokoh ini tidak akan mampu berperanan sebagai pemimpin Melayu yang berjaya dan disegani. Oleh itu, makalah ini juga cuba mengupas sistem politik sebagai medium yang memperkukuh karisma seseorang pemimpin.

KEPIMPINAN POLITIK: PERSPEKTIF AUTORITI DAN TEORI KARISMATIK

Keberkesanan kepimpinan politik adalah petunjuk utama yang menjadi asas sesebuah sistem politik yang stabil sama ada ketika mengatasi konflik dalaman atau pun sebagai perancang dasar dan strategi untuk peningkatan pembangunan negara. Sesuatu sistem politik tidak akan berjaya dikembangkan sebagai sistem yang diterima umum sekiranya kepimpinan politik itu lemah, korup dan tidak mempunyai komitmen yang kuat terhadap kepentingan bangsanya. Perubahan berkenaan didorong oleh aneka situasi yang berpotensi sehingga terjadinya rentak perubahan pola yang kompleks. Sebagai teraju utama seseorang pemimpin

tersebut dipertanggungjawab terhadap segala elemen yang berlaku dalam apa juga aspek baik politik, sosial atau ekonomi.

Dalam kehidupan bermasyarakat, misalnya dalam sekelompok sosial terdapat salah seorang dari anggota kelompok yang akan dilantik sebagai ketua dan kepadanya diberikan tanggungjawab secara tidak langsung untuk menyusun atur kelompok berkenaan (Keesing 1989). Asas pemilihan seorang ketua adalah terhadap individu yang dianggap mempunyai kelebihan yang jauh berbanding dengan anggota lain dalam kelompok itu (Geertz 1957). Ketua yang dilantik itu dipilih dan secara universal mempunyai ciri-ciri tertentu seperti umur, kedudukan ekonomi yang mantap, dan berketurunan keluarga yang disegani. Ketua dalam komuniti kelompok sosial dikenali sebagai pemimpin (Mazidah 1967), yang secara umum merujuk kepada orang yang mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain melalui pemikiran, kedudukan, perkataan dan tindakan (Shamsul 1990: 100). Pemimpin yang dipilih atau dilantik daripada kalangan individu dalam masyarakat itu berperanan utama terhadap sesebuah organisasi, pertubuhan, parti politik atau negara secara keseluruhannya. Proses evolusi peranan seseorang pemimpin terhadap tanggungjawabnya itu akan menggambarkan kemampuan kepimpinannya sebagai pemimpin.

Peranan kepimpinan ialah memberi orientasi kepada sesebuah organisasi dan cuba mempengaruhi pandangan masyarakat. Menurut Case (1933) kepimpinan sebenarnya didasari oleh tiga faktor, iaitu sifat personaliti pemimpin, tabii kelompok dan para anggota yang dipimpin dan peristiwa seperti perubahan atau masalah yang dihadapi oleh kelompok. Perbincangan klasik mengenai kepimpinan telah dilakukan oleh Weber (1968), yang membicarakan konsep ini dengan mengaitkan kepimpinan seseorang terhadap penggunaan kuasa dan autoriti. Terdapat tiga model autoriti iaitu autoriti tradisi, autoriti karismatik dan autoriti perundangan atau legal-rasional (Weber 1968).

Autoriti tradisi adalah bersandar kepada kepercayaan yang sukar diubah kerana telah tertanam sekian lama. Ia berkaitan kepercayaan yang membudaya dari tradisi lama tentang kesahihan kedudukan mereka yang tetap atau kekal berada di bawah satu autoriti tradisi. Autoriti hanya diberikan kepada ketua yang berada di hierarki tertinggi yang diturunkan secara tradisi dan diikat pula oleh tradisi itu, misalnya raja atau sultan. Tidak semua individu yang dilantik sebagai pemimpin memiliki autoriti ini. Konsep ini sangat relevan dengan budaya politik Melayu era Tunku Abdul Rahman yang mempunyai interaksi dengan politik Melayu tradisional apabila pemimpin dilihat sebagai golongan pemerintah yang perlu ditaati dan dipatuhi secara konsisten oleh rakyat dari golongan yang diperintah.

Autoriti karismatik pula adalah berasaskan kurniaan yang khusus dan luar biasa. Individu yang memiliki autoriti ini dipatuhi kerana kepercayaan terhadap keperibadian, pemikiran, tindakan dan ciri teladannya termasuk dalam ruang lingkup kepercayaan mengenai karisma. Seseorang pemimpin boleh dianggap berkarisma sekiranya beliau memiliki ciri-ciri keupayaan yang membezakan dirinya

daripada orang lain atau ia wujud dalam imaginasi pengikutnya sahaja. Weber (1968) menegaskan bahawa unsur yang menentukan keabsahan karisma ialah pengiktirafan orang bawahan terhadap autoriti yang ada pada pemimpin berkenaan. Pemimpin berkenaan perlu menunjukkan kemampuannya sebagai seorang pemimpin yang benar-benar berkeupayaan untuk membolehkannya mengekalkan kuasanya.

Sementara autoriti perundangan atau autoriti legal-rasional menurut Weber sangat bergantung kepada keabsahan terhadap pola dan aturan-aturan normatif dan hak bagi mereka yang memperolehi autoriti berkenaan untuk melaksanakan kuasanya. Kepatuhan terhadap autoriti ini diikat oleh garis panduan yang tidak diasaskan oleh perasaan peribadi dan ia hanya boleh diamalkan oleh individu atau kumpulan yang menduduki atau memegang sesuatu jawatan (Aminudin & Mohd. Ali 1988). Autoriti jenis ini adalah asas bagi setiap individu yang dilantik menjadi pemimpin secara konstitusi. Autoriti ini bukan abstrak tetapi suatu yang objektif secara sah.

Implikasi kepada pemimpin karismatik ialah jika seseorang individu itu digelar sebagai seorang yang berkarismatik maka ada kecenderungan bagi pemimpin berkenaan terpengaruh dengan 'gelaran' tersebut dan ia akan bertingkah laku seolah-olah seperti orang yang sangat berkarisma. Ini bermakna label berkenaan akan mempengaruhi individu untuk mengubah tingkah lakunya. Selain itu jika pengikut terlebih dahulu diberitahu bahawa pemimpin mereka adalah seorang pemimpin yang berkarisma, persepsi mereka tentang apa yang dikatakan karismatik akan memberi kesan terhadap tingkah laku pengikut itu kepada pemimpinnya.

Dari dimensi lain, kemampuan seseorang pemimpin dalam menjalankan proses kepimpinan politik bergantung juga kepada beberapa faktor antaranya kemahiran mengatur strategi, kepintaran memanipulasi autoriti yang ada, karismatik dan instrumen yang ada padanya. Dua faktor terakhir, iaitu karismatik dan instrumen memiliki keunikan tersendiri di kalangan pemimpin. Tidak semua pemimpin memiliki karisma kerana karisma hadir dalam diri seseorang secara tersendiri tidak dicipta, dipelajari atau dimodifikasi. Ia bersifat abstrak dan hanya orang lain yang dapat menilai wujud atau tidak karisma pada seseorang pemimpin itu. Berbeza dengan instrumen yang bermaksud unsur yang boleh dicipta dan menjadi rangkaian yang dapat digunakan oleh pemimpin berkenaan dalam proses kepimpinannya.

Dalam konteks politik Melayu, apakah konsep karismatik idea Weber ini wujud? Penulis mendapati bahawa memang wujud idea berkenaan dalam politik Melayu sebagaimana yang dinyatakan melalui ciri-ciri kepimpinan tokoh yang dipilih. Pemimpin politik akan memilih instrumen kompromi, tawar-menawar atau konsesi interaksi antara individu, kelompok atau etnik dalam masyarakat bagi menjamin keharmonian sesebuah negara serta kesinambungan kepimpinan itu sendiri. Untuk itu kepimpinan politik mempunyai peranan utama dalam menentukan prestasi pembangunan sesebuah negara. Keberkesanan kepimpinan di sini merujuk kepada kemampuan pemimpin meningkatkan keupayaan

pemerintahan yang diterajui serta kebijaksanaannya dalam mewujudkan suasana politik yang stabil bagi memastikan dasar yang diprogramkan dapat dilaksanakan dan mencetuskan transformasi dalam masyarakat dan negara.

Dari huraian tentang beberapa konsep kepimpinan di atas, terdapat beberapa elemen yang perlu ada pada seseorang pemimpin. Pertama; personaliti dan keterampilan yang menarik. Personaliti yang menarik secara fizikal akan mengundang persepsi umum bahawa seseorang individu itu berpotensi menjadi pemimpin. Kedua; ilmu pengetahuan yang boleh membina jaringan dan tahap kemampuan sebagai pemimpin. Ilmu pengetahuan yang dimiliki membolehkan seseorang pemimpin bertindak lebih matang dalam mengatur organisasi, parti dan negara. Manakala unsur ketiga yang perlu ada pada seseorang pemimpin ialah kuasa. Sebagaimana dikupas oleh Weber (1968) tanpa kuasa, kepimpinan tidak mempunyai makna kerana ia dianggap tidak memiliki legitimasi. Apabila beberapa unsur ini dimiliki oleh seseorang pemimpin maka kepimpinannya akan menjadi lebih berkesan dan mantap.

DINAMISME CIRI KEPIMPINAN MELAYU: DARI ERA TUNKU HINGGA ERA DR. MAHATHIR

Terdapat lima fasa kepimpinan dalam UMNO bermula dengan kepimpinan Dato' Onn (1946-1951). Beliau telah meninggalkan UMNO apabila ideanya untuk membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu ditolak. Situasi ini telah membuka ruang baru kepimpinan UMNO yang bertukar tangan kepada Tunku Abdul Rahman Putra (1951-1970). Kegagalan Tunku menangani persoalan sosioekonomi Melayu serta pertentangan etnik menyebabkan beliau terpaksa berundur dari menerajui kepimpinan UMNO untuk diserahkan kepada Tun Razak. Era Razak (1970-1976) merupakan tempoh baru dalam politik Melayu apabila sosioekonomi Melayu cuba ditingkatkan sesuai dengan naungan politik yang sedia dimiliki. Apabila beliau meninggal dunia pada 1976, bermulalah fasa keempat politik Melayu di bawah Hussein Onn iaitu antara tahun 1976-1981. Pada tahun 1981 bermula pula era Dr. Mahathir yang menjadi pemimpin UMNO selepas Hussein Onn meletak jawatan.

Meski pun terdapat lima fasa dalam kepimpinan UMNO, tetapi era Tunku, Razak, Hussein dan Mahathir dianggap lebih penting berbanding era Dato' Onn. Diakui bahawa era Dato' Onn adalah era awal yang berjaya menyatukan Melayu di bawah satu wadah kepentingan politik yang sama, iaitu UMNO. Namun, kemudiannya beliau telah keluar parti dan menjadi penentang UMNO yang konsisten hingga akhir hayatnya. Beliau gagal memelihara, memantapkan dan mencari hala tuju UMNO untuk memperjuangkan Melayu sepanjang tempoh 1946-1951. Hal ini berbeza dengan era keempat-empat pemimpin UMNO selepasnya yang cuba memperkuat parti dan membangunkan orang Melayu sesuai dengan peredaran masa.

Sebagai pemimpin tertinggi dalam sebuah kerajaan yang baru merdeka, Tunku berhadapan dengan tanggungjawab yang sangat mencabar. Masyarakat menerima kepimpinan Tunku dan mereka menghormatinya kerana sebagai seorang putera raja beliau sanggup mengambil risiko untuk menjadi seorang pemimpin bagi sebuah negara yang baru merdeka. Kepimpinan Tunku dianggap sebagai *melahirkan suatu perbezaan yang menyeluruh kepada parti dan memberi harapan baru kepada parti* (Shaharuddin 1988: 16). Sebagai seorang putera diraja, segala kemewahan boleh diperolehi dengan mudah, tetapi Tunku memilih jalan sebaliknya. Beliau bersedia menggantikan tempat Dato' Onn sebagai Presiden UMNO setelah dipilih dengan 57 undi dalam Mesyuarat Tahunan UMNO pada 26 Ogos 1951 (Yusof 1991: 101). Kemenangan beliau dalam mesyuarat ini menjadi asas awal untuknya memiliki autoriti legal-rasional sebagai pemimpin tertinggi UMNO dan pemimpin politik Melayu.

ERA KEPIMPINAN TUNKU ABDUL RAHMAN, 1950-1970

Ketika Dato' Onn keluar dari UMNO untuk kali kedua (1950), iaitu pada tahun 1950, sepatutnya Tun Razak, yang ketika itu sebagai Timbalan Presiden UMNO, mengambil alih tempatnya. Walau bagaimanapun, atas alasan masih kurang berpengalaman beliau telah memujuk Tunku, yang ketika itu bertugas sebagai Timbalan Pendakwaraya di Pejabat Peguam Negara, Kuala Lumpur. Pada mulanya Tunku menolak, tetapi setelah menimbangkan beliau lebih tua serta bersemangat patriotik beliau akhirnya telah menerima (Shaw 1977: 114). Bagi Tun Razak beliau mempunyai tiga sebab mengapa memberi laluan kepada Tunku untuk memimpin UMNO. Pertama, kedudukan status aristokratnya yang dianggap sangat berpengaruh di kalangan orang Melayu yang masih kental sifat tradisinya. Kedua, Tunku memiliki keterampilan dan karisma kerana pernah menjadi Presiden Kesatuan Melayu United Kingdom (KMUK) yang aktif dalam kegiatan organisasinya dan ketiga, Tunku adalah sahabat baiknya yang diketahui memiliki semangat nasionalisme yang tinggi (Shaw 1977; Yusof 1991).

Kedudukan sosial Tunku di strata tertinggi dalam hierarki masyarakat Melayu tradisional meletakkan beliau sebagai seorang pemimpin yang dihormati dan dikagumi. Boleh dikatakan bahawa ketika itu konsep feudalisme masih kental mempengaruhi budaya politik Melayu. Feudalisme meletakkan status raja dan golongan bangsawan sebagai ketua atau tuan kepada rakyat sama ada di sesebuah negeri atau daerah (Gullick 1978). Manifestasi ini sangat jelas kelihatan ketika era Tunku apabila seorang aristokrat dipilih menjadi ketua kerajaan. Ketua yang dipilih akan ditaati dan dihormati kerana golongan pemerintah dianggap sebagai tempat berlindung golongan yang diperintah. Kedudukan Tunku sebagai dari golongan kerabat diraja menyebabkan beliau dianggap memiliki anugerah luar biasa yang tidak terdapat pada rakyat. Penerimaan rakyat terhadap kepimpinan

Tunku ini bersesuaian dengan konsep kepimpinan autoriti tradisi yang dinyatakan oleh Weber (1968).

Dalam menjalankan kepimpinannya Tunku mengamalkan pendekatan konservatif, iaitu sikap berkompromi dengan etnik lain terutama Cina (Mahathir 1982 & Yusuf 1991). Beliau sentiasa bertolak ansur terhadap tuntutan orang Cina, yang dianggapnya sebagai kaum yang perlu diberi perhatian dan bukan ditekan. Sikap ini mula tumbuh apabila Inggeris bercadang menyerahkan kemerdekaan Tanah Melayu kepada orang Melayu, tetapi dengan syarat sanggup menerima golongan bukan Melayu sebagai rakan kerjasama bagi sebuah negara yang baru merdeka. Bagi Tunku, orang Melayu memadai menguasai politik sahaja (Jomo 1988) kerana dengan menaungi politik bermakna kuasa akan terus kekal di tangan orang Melayu untuk selama-lamanya.

Gaya kepimpinan Tunku boleh digolongkan sebagai model 'tradisional nasionalis' (Hussain 1989: 89). Model ini merujuk kepada hakikat masih wujud asas politik Melayu tradisional yang menjelma dalam bentuk dua strata dalam masyarakat, iaitu golongan pemerintah yang terdiri dari keturunan bangsawan atau raja dan golongan diperintah, iaitu rakyat biasa. Antara kedua-dua strata ini terdapat ikatan kesetiaan yang kuat terutama dari golongan rakyat terhadap raja. Dalam konteks nasionalis pula Tunku berusaha untuk mendapatkan sokongan rakyat Tanah Melayu bagi mencapai kemerdekaan. Usaha beliau berjaya apabila mendapat kerjasama dari kalangan orang Melayu dan juga elit politik bukan Melayu untuk bersatu di bawah kepimpinannya.

Amalan politik akomodasi dianggap kerap memaksa kerajaan mengambil sikap bertolak ansur. Ini menyebabkan matlamat utama sesuatu dasar itu walaupun telah dipersetujui, tetapi apabila dilaksanakan tidak dapat tercapai sepenuhnya. Kedudukan sosioekonomi Melayu tidak dititikberatkan ketika era Tunku dan tidak terdapat sebarang dasar yang membolehkan kerajaan terlibat secara langsung untuk memperbaiki kedudukan ekonomi orang Melayu (Case 1991). Fenomena ini mengakibatkan usaha untuk mengintegrasikan orang Melayu ke dalam ekonomi moden sukar dilakukan. Tambahan pula syarikat asing dan tempatan yang dimiliki bukan Melayu enggan melibatkan orang Melayu dengan alasan bahawa orang Melayu tidak berkebolehan dan tidak berkelayakan untuk menerokai aktiviti ekonomi komersil. Syarikat asing yang masih kukuh penguasaan ekonominya di Tanah Melayu selepas merdeka antaranya ialah Guthrie, Sime Darby, Harisson and Crosfield serta London Asiatic Plantation (RMK 1971).

Asas ekonomi liberal yang diterapkan oleh Tunku telah membuka ruang kepada golongan kapitalis bukan Melayu untuk memonopoli potensi-potensi ekonomi tanpa sekatan kerana orang Melayu ketika itu sangat mundur. Lokasi geografi warisan penjajah menunjukkan terdapat pengenalan kaum berdasarkan kedudukan kawasan: orang Melayu tinggal di kampung-kampung terpencil yang terpinggir dari arus pembangunan, etnik India tinggal di estet dan Cina di bandar (Shamsul 1976, 1982; E. K. Fisk & Osman Rani 1983). Walaupun melalui dasar ekonomi di bawah pentadbiran Tunku pendapatan negara melonjak dua kali

ganda di antara tahun 1957-1969 (Ghapa & Nik Annuar 1996: 5), tetapi faedah yang diharapkan tidak dinikmati oleh orang Melayu. Faedah berkenaan dimonopoli oleh sebilangan kecil golongan aristokrat Melayu sahaja. Peluang lebih banyak dimiliki oleh kapitalis Cina untuk memonopoli perniagaan lantaran sikap Tunku yang lebih menyenangkan kaum berkenaan. Beliau "... rela kehilangan semua kerusi dari kehilangan persahabatan dengan orang Cina..." (Tunku 1979: 105).

Pendekatan ekonomi liberal Tunku dikritik hebat oleh golongan intelektual Melayu dan kepimpinan UMNO peringkat bawahan terutama oleh Dr. Mahathir Mohamad dan Aziz Ishak. Untuk mengelakkan supaya kedudukannya dalam kepimpinan politik UMNO tidak tergugat, Tunku telah menggugurkan atau memecat pengkritik yang dianggap sebagai menentang ideanya itu dari jawatan masing-masing (Comber 1985). Mahathir telah disingkir kerana menulis surat terbuka kepada Tunku tentang kegagalannya mengatasi masalah sosioekonomi Melayu (Morais 1982, Comber 1985). Manakala Aziz Ishak pula telah dipecat dari jawatan Menteri Pertanian kerana membelakangi Tunku apabila tindakan yang diambil oleh Aziz dianggap merugikan orang Cina. Tindakan Aziz membina kilang baja urea di Perak dan membatalkan 350 permit mengilang beras milik orang Cina telah menyebabkan Tunku tidak menyenangnya (Yusof 1991: 201).

Tunku juga prihatin terhadap penduduk luar bandar dan menyediakan sarana dan prasarana di kampung-kampung khusus untuk orang Melayu. Namun, dalam masa yang sama Tunku lebih mempercayai orang bukan Melayu untuk mengendalikan serta memonopoli projek-projek penyediaan infrastruktur berkenaan. Beliau melakukan demikian dengan anggapan golongan bukan Melayu mampu mengendalikannya dengan cekap dan teratur berbanding orang Melayu, yang dianggap tidak berkemampuan dalam aspek pengurusan dan perniagaan. Bagi Tunku cara sedemikian membolehkan ekonomi negara cepat berkembang. Namun, pelaksanaan pembangunan yang sedemikian adalah adaptasi dari tradisi penjajah dan tidak berupaya membawa penduduk luar bandar, iaitu orang Melayu keluar dari sektor ekonomi tradisi (Shaharuddin 1988: 125).

Penyertaan orang Melayu dalam bidang ekonomi terhalang kerana antara tahun 1957 hingga 1969, adalah waktu yang padat dengan berbagai polemik dan peristiwa yang menjadi cabaran yang cukup sulit dan terpaksa Tunku hadapi. Beliau terpaksa menghadapi ancaman komunis yang diwarisi sejak zaman kolonial. Dalam mengatasi masalah ini, Tunku telah menggunakan pendekatan kompromi dengan menawarkan proses pengampunan kepada semua anggota komunis dengan syarat mereka sedia meletakkan perjuangan bersenjata dan membubarkan PKM. Isu penubuhan Malaysia yang digagaskan oleh Tunku berpanjangan pula kepada masalah konfrontasi dengan Indonesia pada tahun 1963. Selanjutnya tuntutan Filipina ke atas Sabah dan masalah keluarnya Singapura dari Malaysia pada September 1965 adalah di antara masalah kompleks yang menjadi halangan kepada Tunku untuk memberikan penumpuan yang konsisten terhadap aspek pembangunan sosioekonomi Melayu secara langsung (Shaw 1977; Yusof 1991). Meskipun Tunku tidak berjaya dalam mempertingkatkan kedudukan sosio-

ekonomi orang Melayu, tetapi dengan kebijaksanaan yang diambil beliau telah berjaya mengatasi isu konfrantasi dan masalah berkaitan Singapura. Begitu juga sumbangan besar Tunku dalam politik Malaya sebelum merdeka adalah apabila beliau berjaya meyakinkan Inggeris untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, dan setelah merdeka beliau berjaya melaksanakan konsep konsosiasi politik dengan MCA dan MIC.

Kesan pencapaian ekonomi yang tidak setara menyebabkan wujud prasangka dan tidak puas hati di kalangan pelbagai golongan etnik di Malaysia khususnya di kalangan golongan Melayu dan Cina sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Ekoran peristiwa tersebut berbagai pihak dalam UMNO dan kabinet mendesak supaya Tunku meletakkan jawatan. Peristiwa ini membawa perubahan kepada kepimpinan politik UMNO dan negara apabila Tun Razak telah diberi kepercayaan oleh Tunku untuk menjadi pengerusi Majlis Gerakan Negara (Mageran). Sebenarnya mulai saat itu Tunku sudah tidak lagi memainkan peranan sebagai kepimpinan politik Malaysia kerana parlimen telah digantung (Goh 1971 & Comber 1985). Selaku pengerusi Mageran dalam tempoh 21 bulan pemerintahan darurat, Tun Razak telah membuat beberapa perancangan untuk membangunkan sosio ekonomi Melayu (Case 1991: 462).

ERA KEPIMPINAN TUN ABDUL RAZAK, 1970-1976

Secara rasminya Tun Razak menjadi Perdana Menteri pada 22 September 1970. Pelantikan ini membolehkannya secara sah memiliki autoriti legal-rasional sebagai pemimpin UMNO dan negara. Berdasarkan pengalamannya sebagai pegawai pentadbir Inggeris semasa Gerald Templer menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu (Ghapa & Nik Anuar 1996: 4) dan pada zaman darurat sebelum merdeka, beliau telah membawa model teknokratik dalam kepimpinannya. Pendekatan model ini bertolak dari asas birokrasi yang beliau miliki dengan tujuan membangunkan sosio ekonomi Melayu secara khusus dan masyarakat Malaysia umumnya. Asas kepimpinan Tun Razak diperkukuh oleh saranannya ketika dilantik sebagai Perdana Menteri supaya semua parti politik tidak lagi memberi tumpuan kepada kegiatan politik semata-mata, tetapi sebaliknya bersatu untuk membangunkan Malaysia yang telah mengalami huru-hara akibat sentimen kaum. Beliau telah meluaskan konsep kerjasama Perikatan UMNO-MCA-MIC menjadi Barisan Nasional. Konsep ini penting dalam usaha beliau memulihkan legitimasi dan meningkatkan semula imej dan prestasi kerajaan serta untuk membolehkannya melaksanakan reformasi ke atas dasar dan struktur ekonomi dan politik negara (Funston 1980).

Ketika itu Tun Razak berhadapan dengan tiga masalah besar, iaitu kemunduran ekonomi Melayu, penguasaan ekonomi oleh orang asing dan masalah etnik yang belum reda. Tindakan pertama yang beliau lakukan ialah dengan melibatkan peranan kerajaan secara langsung dalam membangunkan sosio-

ekonomi golongan Melayu. Dalam ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri di Parlimen pada 23 Februari 1971, Tun Razak berpendapat bahawa insiden 13 Mei tidak akan berulang jika ekonomi negara dibentuk dan disusun semula (Shaw 1977: 291). Beliau berpendapat bahawa ekonomi Melayu tidak akan meningkat sekiranya mereka dibiarkan bersaing sendiri dengan orang asing. Kerajaan melalui UMNO yang menaungi kuasa politik perlu mengambil inisiatif dan berperanan membangunkan ekonomi orang Melayu. Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dipertanggungjawabkan membentuk suatu dasar ekonomi yang benar-benar baru dan dapat dimanipulasikan untuk kepentingan Melayu. Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990, yang dilancarkan itu sebenarnya adalah manifestasi hasrat beliau untuk tujuan berkenaan, iaitu melalui pengawalan terhadap beberapa potensi ekonomi negara dengan menggunakan DEB. Antaranya ialah melalui skim pelaburan kerajaan yang bertujuan memastikan adanya ekuiti Melayu dalam sektor berkenaan yang sebelum ini dikuasi oleh kapitalis Cina (Case 1993: 787).

Sebelum itu, ketika menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1960-an, usaha ke arah itu pernah dilakukan oleh Tun Razak, tetapi tidak berjaya. Antara usaha yang pernah beliau lakukan ialah menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera I pada tahun 1965 dan II pada 1968. Walaupun kongres ini sebagai perintis untuk meneroka hala tuju ekonomi Melayu tetapi ia tidak mendapat perhatian daripada Tunku yang menyebabkan perlaksanaan resolusi-resolusinya gagal. Tunku beranggapan bahawa usaha-usaha ini dilakukan oleh golongan-golongan muda yang tidak sehaluan dengan pandangan dan pendekatan politiknya dalam usaha meningkatkan ekonomi Melayu. Bagi Tun Razak, orang Melayu perlu dilibatkan bersama dalam berbagai-bagai sektor yang sebelum ini tidak ada penyertaan mereka dan usaha ini perlu dilakukan secara perlahan dan berperingkat serta dalam bidang tertentu (Ranjit 1987). Tujuannya supaya peranan dan campur tangan kerajaan tidak terlalu menyerlah dalam usaha untuk melibatkan kepentingan orang Melayu dalam sektor ekonomi komersil. Kerajaan telah membentuk dasar-dasarnya untuk membantu orang Melayu, tetapi peranannya terselindung di sebalik dasar yang dijalankan. Ini dilakukan untuk mengelakkan supaya kuasa yang dipegang oleh UMNO, tidak dimanipulasikan untuk kepentingan orang Melayu sahaja. Kepentingan langsung Melayu merangkumi identiti negara, kepentingan dan kedudukan agama Islam, raja, bahasa dan hak keistimewaan Melayu (Hussain 1998: 552). Hakikatnya dasar-dasar berkenaan adalah adaptasi dari agenda Melayu yang berteraskan prinsip nasionalisme ekonomi (Golay 1969). Ketika ini UMNO mula memanipulasi kuasa untuk pembangunan sosio-ekonomi Melayu kerana matlamat dan tujuan penubuhan UMNO itu sendiri adalah untuk kepentingan Melayu (Hussain 1996: 18).

Dalam usaha meningkatkan keupayaan kepimpinannya, Tun Razak telah mempraktikkan dua pendekatan, iaitu politik perpaduan dan politik penstrukturan semula ekonomi. Pendekatan pertama bertujuan mengekalkan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat serta meningkatkan ketertiban interaksi sosial

pelbagai kaum. Pendekatan ini diimplimentasikan melalui Barisan Nasional. Dengan cara ini beliau berjaya mengurangkan '*politiking*' di kalangan parti-parti politik dan sebahagian besar masanya dapat ditumpukan kepada politik pembangunan. Manakala pendekatan kedua adalah bertujuan menyusun semula ekonomi dan menyeimbangkan pengagihan ekonomi negara, mengurangkan ketaksamaan kaum dari segi penguasaan ekonomi dan melibatkan orang Melayu dalam sektor ekonomi komersil. Untuk merealisasikan pendekatan ini kerajaan perlu berperanan secara langsung dalam meningkatkan ekonomi Melayu. Tun Razak mendapati untuk mengagihkan pemilikan ekonomi secara setara ia terlebih dahulu perlu memastikan bahawa kedudukan sosiopolitik perlu berada dalam tahap yang stabil dan harmoni. Usaha integrasi kaum turut dilaksanakan melalui konsep Rukun Negara yang telah berjaya mengurangkan pertentangan etnik.

Beliau telah mengundang tokoh-tokoh muda untuk terlibat dalam kepimpinan UMNO dan kabinetnya bagi mendapatkan input baru daripada mereka. Tokoh-tokoh muda ini dikenali sebagai orde baru. Misalnya Tengku Razaleigh, Mahathir, dan Musa Hitam adalah golongan orde baru yang boleh memperkuatkan parti dalam usaha membawa kelompok muda ke dalam UMNO. Tujuan beliau juga adalah untuk menggantikan tokoh lama dalam kabinet dan UMNO yang dikenali sebagai orde lama seperti Senu Abdul Rahman, Sa'adon Jubir, Khir Johari dan Mustafa Jabar. Pendekatan yang diambil oleh Razak untuk mengurangkan peranan orde lama dalam politik UMNO ialah dengan melantik mereka sebagai duta atau wakil khas Malaysia di PBB. Sekurang-kurangnya tokoh-tokoh lama ini tidak dimatikan terus fungsi mereka.

Penglibatan kerajaan secara langsung untuk meningkatkan sosioekonomi Melayu adalah satu pendekatan yang diambil oleh Tun Razak melalui penubuhan institusi amanah seperti PERNAS, MARA, dan UDA yang boleh memacu orang Melayu untuk aktif dalam sektor ekonomi negara (Gale 1984). Pada tahap awal usaha ini adalah secara sederhana kerana Tun Razak tidak mahu dasar campur tangan kerajaan terlalu ketara hanya untuk membantu etnik Melayu. Razaleigh diberi peranan besar untuk menggerakkan PERNAS, Petronas, Bank Bumiputra dengan tujuan meningkatkan penyertaan Melayu dalam bidang perniagaan berskala besar. Di samping itu turut ditekankan ialah usaha mempertingkatkan pembangunan luar bandar untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik sesuai dengan perkembangan semasa (Case 1992). Bezanya, pada zaman Tunku pembangunan luar bandar nampaknya terpisah antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial, kerana hanya menekankan penyediaan prasarana seperti balai raya, sekolah, jalan kampung dan sedikit bekalan air dan elektrik yang pula hanya terdapat di kawasan yang terjangkau, tetapi beliau tidak pula bersedia untuk mempersiapkan orang Melayu untuk menyertai sektor ekonomi yang lebih mencabar. Hal ini menggambarkan bahawa pada era Tun Razak wujud pola kepimpinan yang progresif dan serius. Antara beberapa langkah di bawah kepimpinannya mula terdapat usaha-usaha untuk mempertingkatkan imej dan martabat orang Melayu dan orientasi terhadap dasar ekonomi negara (Cleary &

Shaw 1994: 83-85). Meskipun demikian beliau tidak dapat melihat hasil dasar-dasar yang dirancangnya kerana tempoh kepimpinannya yang singkat.

ERA KEPIMPINAN HUSSEIN ONN, 1976-1981

Pada Januari 1976 apabila Tun Razak meninggal dunia di London akibat leukemia, tempatnya telah digantikan oleh Hussein Onn. Beliau adalah bekas pegawai tadbir, pegawai tentera dan bekas peguam (Mustafa 1985: 3-9). Dalam tahun-tahun 1940-an dan 1950-an beliau pernah menjadi pegawai tentera dan pegawai polis yang mendapat latihan di Rawalpindi, India. Beliau pernah menjadi Ketua Polis Johor Bahru, kemudian beliau menjadi Pegawai Daerah di Kuala Selangor. Pada awal 1960-an beliau mengambil jurusan undang-undang di Lincoln's Inn, London dan aktif sepenuh masa dalam politik bermula tahun 1968 (Mustafa 1985: 2-13). Pada tahun 1951 beliau pernah keluar dari UMNO bersama bapanya Dato' Onn tetapi kemudian beliau dibawa masuk semula ke pangkuan UMNO oleh Tun Abdul Razak, adik iparnya. Pada tahun 1973 beliau memenangi kerusi Naib Presiden UMNO dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO oleh Tun Razak. Ketika itu jawatan Timbalan Presiden UMNO dilantik oleh Presiden, bukannya dipilih oleh perwakilan. Hussein Onn juga adalah seorang teknokrat dari kalangan aristokrat bangsawan Melayu Johor. Namun, beliau bukan seorang yang berkarismatik jika dibandingkan dengan Tunku dan Tun Razak.

Dalam era kepimpinan Hussein Onn tidak banyak perubahan yang mampu dilakukannya. Situasi ini berlaku kerana Hussein Onn belum cukup bersedia untuk menerajui kepimpinan UMNO dan negara kerana beliau masih baru beberapa tahun dilantik oleh Tun Razak menjadi timbalannya. Kematian Tun Razak secara mengejut itu telah meletakkan Hussein Onn dalam kedudukan 'terpaksa'. Keadaan ini terbukti apabila beberapa permasalahan yang ditinggalkan oleh Tun Razak tidak dapat diatasinya dengan berkesan. Misalnya isu Pemuda UMNO di bawah kepimpinan Dato' Harun Idris yang sentiasa memberi tekanan kepada beliau serta masalah kumpulan orde lama dalam kabinet dan UMNO. Tindakan menggantikan mereka secara drastik dikhuatiri akan menimbulkan konflik dan polemik dalaman yang berpanjangan. Manakala jika mereka terus dikekalkan nampaknya kelompok berkenaan sudah tidak relevan lagi kepada parti dan kerajaan (Shamsul 1988). Dari sudut sosioekonomi beliau hanya sebagai penyambung kepada dasar-dasar yang telah dirintis oleh Tun Razak. Peranan kerajaan dalam mempertingkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu diteruskan melalui institusi-institusi amanah yang ditubuhkan pada zaman Tun Razak, seperti MARA, UDA, PERNAS dan KUB. Akan tetapi fungsi kerajaan masih pada tahap tidak aktif.

Sebagai meneruskan usaha Tun Razak, penghantaran pelajar Melayu ke seberang laut diteruskan oleh Hussein Onn sebagai persediaan untuk membekalkan sumber tenaga profesional dan teknokrat. Jadual 1 menunjukkan

JADUAL 1. Bilangan pelajar di peringkat diploma dan ijazah mengikut etnik 1970 dan 1980

Etnik	Diploma		Ijazah	
	1970	1980	1970	1980
Melayu	2871	11278	3084	18804
Cina	393	5078	3752	18382
India	32	1048	559	3928
Lain-Lain	22	111	282	341

Sumber: Kamarul Arifin (1997: 42-43).

bilangan pelajar Melayu dan Bumiputra lain yang berada di peringkat diploma pada tahun 1970. Ketika itu hanya terdapat 2,871 orang berbanding 11,278 orang pada tahun 1980. Manakala pelajar Melayu dan Bumiputera di peringkat ijazah pula pada tahun 1970 ialah 3,084 orang dan bertambah kepada 18,804 orang pada tahun 1980 (Kamarul Arifin 1997: 43). Boleh dikatakan bahawa peningkatan ini adalah sumbangan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang diasaskan ketika era Tun Razak.

Berdasarkan Jadual 2 bagi golongan profesional pula, akauntan Melayu pada tahun 1970 hanya seramai 40 orang tetapi pada tahun 1979 telah meningkat kepada 110 orang. Arkitek Melayu pada tahun 1970 seramai 12 orang dan pada tahun 1979 berjumlah 56 orang. Bagi doktor perubatan, doktor gigi dan doktor haiwan jumlah keseluruhan mereka pada tahun 1970 ialah 107 orang manakala pada tahun 1979 ia telah bertambah kepada 414 orang (Kamarul Arifin 1997: 46-47). Menyedari pendidikan adalah sarana yang boleh mengubah nasib sesuatu bangsa maka perangkaan ini membuktikan bahawa di bawah kepimpinan Hussein Onn kerajaan berjaya melahirkan golongan profesional dan teknokrat Melayu di mana suatu ketika dahulu ia sangat ketandusan.

JADUAL 2. Bilangan golongan profesional Melayu berdaftar 1970 dan 1979

Golongan	1970	1979
Akauntan	40	110
Arkitek	12	56
Doktor	107	414
Peguam	tiada maklumat	151
Juru ukur	tiada maklumat	108

Sumber: Kamarul Arifin (1997: 46-48).

Dalam dasawarsa kepemimpinan Hussein Onn telah timbul krisis politik dalaman UMNO yang cukup menguji kepinimpinannya, iaitu masalah Pemuda UMNO dan isu Dato' Harun. Sebagai orang yang didapati bersalah dalam kes rasuah, Dato' Harun telah dipecat oleh Hussein. Sungguhpun tindakannya telah dibantah oleh sebahagian besar ahli UMNO. Pergerakan Pemuda UMNO berpendapat sebagai Presiden UMNO, beliau tidak menimbangkan pandangan Majlis Tertinggi yang telah membuat keputusan supaya Harun tidak dipecat dari UMNO. Mereka beranggapan Hussein telah mengambil tindakan dengan membelakangi kehendak parti. Atas desakan Pemuda UMNO, Dato' Harun diterima semula sebagai ahli UMNO, malahan beliau berjaya pula mempertahankan jawatan Ketua Pemuda UMNO walaupun ketika itu beliau berada dalam penjara. Implikasi kelemahan Hussein Onn dalam menangani masalah ini ialah beliau kemudiannya telah dicabar dalam pertandingan Presiden UMNO pada 1978 oleh Sulaiman Palestin yang datang dari kubu Harun (Chamil 1989: 164). Walaupun Hussein Onn menang tetapi kesannya amat parah kerana sebelum ini belum ada anggota UMNO yang membantah dan mencabar presidennya secara pertandingan terbuka. Gejala ini menjadi isyarat bahawa kepemimpinan dan kepercayaan anggota UMNO terhadap Hussein Onn selaku Presiden UMNO telah dipertikaikan secara terbuka.

Boleh dikatakan bahawa era Hussein Onn memperlihatkan pola kepemimpinan yang mendatar (monotonous) tetapi harmoni. Tidak banyak kemajuan yang mampu beliau tampilkan untuk proses pembangunan parti dan negara. Kepimpinan beliau menyaksikan rentak budaya politik yang perlahan. Bahkan, secara relatif, sumbangan dan kepemimpinan Hussein jauh ketinggalan berbanding Tun Razak. Lebih banyak usaha beliau adalah untuk kesinambungan dasar-dasar yang dirintis oleh Tun Razak. Setelah lebih kurang lima tahun menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri beliau mengambil langkah melepaskan jawatan secara sukarela kerana masalah kesihatannya yang tidak mengizinkannya bergiat aktif dalam politik.

ERA KEPIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD, 1981-2003

Dr. Mahathir Mohamad menduduki hierarki kepemimpinan UMNO dan negara selepas Hussein Onn pada tahun 1981. Sebagai ahli politik dan kolumnis *The Star* yang sering mengkritik Tunku ketika pemerintahannya dahulu, kini Mahathir sendiri telah berada dalam kedudukan berkenaan. Beliau tidak mengisi kedudukan dalam kepemimpinan politik UMNO melalui perkiraan perwarisan seperti pemimpin UMNO sebelumnya (Hussain 1998: 558). Mahathir bukan berasal dari kerabat diraja atau golongan aristokrat tetapi dari golongan rakyat biasa yang berkedudukan. Kedudukan bapanya yang pernah menjadi guru besar di Maktab Sultan Abdul Samad, Alor Star, dalam era 1900-an dianggap mempunyai status yang sangat tinggi di kalangan anggota masyarakat. Berasaskan latar belakang ini ciri

kepimpinan Mahathir lebih berbeza daripada ketiga-tiga pemimpin yang datang dari kalangan bangsawan.

Model kepimpinan Mahathir dapat dibahagikan kepada empat, iaitu sebagai pengurus, penyelia, usahawan dan juru teknik (Fawzi Basri 1996: 6). Kepimpinan karismatik beliau lebih terserlah jauh menandingi kepimpinan UMNO yang terdahulu kerana banyak membawa transformasi terhadap UMNO serta dasar kerajaan (Ho Khai Leong 1994:). Ciri karismatik terserlah pada Mahathir apabila banyak daripada pendekatan dan tindakan yang diambilnya lebih berasaskan kebolehan semulajadi yang mampu disesuaikan dengan suasana dan keadaan semasa. Misalnya untuk mengubah persepsi umum bahawa orang Melayu tidak memiliki daya saing dan kurang semangat maka dilancarkan dasar Pandang Ke Timur. Dari dasar ini falsafah dan budaya masyarakat Jepun dan Korea Selatan dijadikan model panduan untuk membentuk paradigma baru dalam budaya kerja orang Melayu. Walau bagaimanapun, tulisan ini tidak menelusuri secara keseluruhan model kepimpinan berkenaan, tetapi menekankan gaya kepimpinan yang berpengaruh terhadap sosioekonomi yang kemudiannya memberi kesan kepada sistem sosiopolitik Melayu. Kepimpinan politik Melayu yang berkesan bergantung kepada dua aspek, iaitu kuasa dan pengaruhnya. Tanpa pengaruh, mungkin pemimpin yang zalim akan menggunakan kekerasan. Tanpa kuasa, pemimpin itu terpaksa bergantung kepada isi pengaruhnya untuk mencapai tujuannya (Ghazali 1996: 1-2).

Sejak era Tunku, Mahathir dianggap sebagai seorang nasionalis yang memperjuangkan nasib orang Melayu yang sangat mundur dalam aspek ekonomi. Setelah menerajui UMNO, beliau berkesempatan untuk merealisasikan pula cita-cita berkenaan sebagaimana yang telah ditulis secara kritis dalam bukunya, *Dilemma Melayu*. Pada tahun 1978, ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau telah menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang berfungsi untuk menarik orang Melayu terlibat dalam aktiviti pelaburan saham. Pada 1981 apabila beliau menjadi Perdana Menteri secara autoriti legal-rasional dan melalui DEB yang masih ada tempoh sembilan tahun pelaksanaannya, beliau berusaha secara konsisten untuk melahirkan seramai mungkin usahawan dan jutawan Melayu yang berwibawa dan dihormati.

Tujuan jangka panjang Mahathir ialah komitmennya untuk memastikan supaya orang Melayu bukan sahaja menaungi aspek politik, tetapi juga mampu menyertai secara inovatif dalam bidang ekonomi, terutama yang menjurus kepada sektor industri dan dalam dasawarsa tertentu akan melahirkan kelas peniaga Melayu (Case 1991: 464). Beliau percaya dengan adanya segolongan korporat Melayu yang berwibawa dan mantap orang Melayu pada umumnya akan dihormati dan disegani oleh golongan etnik lain (Wan Hashim 1996: 3). Beliau telah mentafsir kembali nasionalisme Melayu yang bukan semata-mata taksub kepada bahasa dan budaya Melayu, tetapi merujuk kepada Melayu yang maju dalam serba-serbi dan disegani di dalam dan di luar negara. Tafsiran ini telah mengubah pandangan antara Melayu lama dengan Melayu Baru itu. Melalui

dasar-dasar kerajaan yang diwarisi sejak zaman Tun Razak, Mahathir telah merealisasikan untuk mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi orang Melayu. Beliau berpendapat bahawa prestasi cemerlang dan baik pada masa silam tidak menjamin kepimpinan yang berterusan. Hanya melalui peranan kerajaan secara bersungguh sahaja kepentingan orang Melayu akan terjamin.

Dari dimensi budaya masyarakat Malaysia umumnya, Mahathir telah mengubah paradigma persepsi bahawa semua produk yang datang dari Barat itu baik dan berkualiti. Beliau telah melancarkan Dasar Pandang Ke Timur, yang berpaksikan model sosioekonomi masyarakat Jepun dan Korea Selatan (Chamil 1989). Tindakan beliau ini bermaksud untuk merubah gaya hidup dan minda sebahagian golongan intelektual dan golongan menengah Melayu yang pernah belajar di Barat dan yang terlalu mengagungkan nilai dan norma kehidupan Barat. Dasar ini juga diharapkan akan dapat mengubah apa yang dikatakan sikap malas, tidak bersemangat, mudah putus asa, tiada daya saing orang Melayu yang selama ini menyebabkan mereka terus ketinggalan (Mahathir 1982: 19-38). Mereka diharapkan dapat mempelajari falsafah dan budaya kerja, sikap dan nilai-nilai positif yang ada dalam kehidupan cara Timur. Dasar *Buy British Last* merupakan tamparan hebat bagi orang Melayu yang kononnya selama ini beranggapan bahawa produk dari Barat lebih berkualiti (Khoo 1995: 54-56). Malah dasar ini sebenarnya memperlekap Dasar Pandang ke Timur yang telah diperkenalkan itu.

Dalam usaha membina kekuatan mental dan fizikal orang Melayu berlandaskan nilai-nilai murni, maka kempen Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan dan Penerapan Nilai-nilai Islam telah diperkenalkan. Fokus utama Mahathir dalam hal ini ialah untuk menjadikan golongan pekerja, pemimpin dari semua peringkat dan sektor dapat menunjukkan contoh dan tanggungjawab yang sesuai dengan nilai-nilai yang positif. Ketiga-tiga pendekatan berkenaan mempunyai hala tuju yang hampir serupa, iaitu membentuk masyarakat yang bertanggungjawab berlandaskan tuntutan agama. Islam dijadikan panduan kerana ia meletakkan nilai-nilai spiritual di tempat tertinggi dan dipercayai juga bahawa semua agama yang dianuti di Malaysia mengakui bahawa nilai-nilai yang baik dan murni menjadi tuntutan setiap agama (Khoo 1995). Beliau juga telah mentafsir bahawa Islam itu bukan semata-mata amalan wajib, pakaian, jubah, janggut atau secara fizikal, tetapi Islam perlu disesuaikan dengan kemajuan dan tuntutan semasa yang tidak terkeluar dari landasan agama. Islam bukan militan, pengganas, tidak konsikuen dan suka berbalah sesama sendiri. Sebaliknya, Islam yang sebenar mencintai kedamaian dan memelihara kemajuan dan keharmonian untuk kepentingan semua penganut agama di dunia.

Karisma Mahathir juga digambarkan melalui keinginannya membina rakyat Malaysia yang maju dalam sarana dan acuannya sendiri apabila menolak sebahagian norma Barat yang tidak relevan dengan budaya Malaysia. Beliau menekankan pentingnya mempertahankan serta mengukuhkan nilai budaya dan

spiritual dengan bersandarkan kepada agama agar keseimbangan pembangunan antara aspek moral dan material dapat dibentuk dan sebuah komuniti yang bahagia dapat diwujudkan (Wan Hashim 1996: 5).

Pendekatan Mahathir dalam melancarkan Dasar Persyarikatan Malaysia dan Dasar Penswastaan adalah kesan terpengaruh dengan *Thatcherism* dan *Reaganomics*. Ia satu langkah yang dianggap berani kerana beliau sanggup menanggung risiko terhadap keberlangsungan politiknya. Pengaruh konsep penswastaan ke atas badan awam di samping keutamaan pada urusan niaga untuk memperolehi aset telah menenggelamkan semangat gotong royong, syarikat kerjasama atau koperasi yang diganti dengan mengutamakan keuntungan semata-mata. Kedua-dua dasar berkenaan bertujuan meringankan beban kerajaan dari segi kewangan, sumber manusia, pengurusan, tidak terlalu terikat dengan birokratik dan latihan. Keinginan beliau untuk melihat ramai orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan dan mampu bersaing dengan orang asing telah berjaya direalisasikan melalui Dasar Penswastaan. Peluang-peluang perniagaan diberikan kepada orang Melayu yang berkemampuan, dan hasilnya telah berjaya melahirkan ramai jutawan dan korporat Melayu (Fauzi 1997). Ini satu situasi yang sukar ditemui dalam tiga kepimpinan UMNO yang terdahulu. Mahathir bukan sahaja mampu melahirkan ramai jutawan, usahawan dan korporat Melayu tetapi beliau telah menukar corak ekonomi negara dari negara berasaskan agraria kepada negara berasaskan perniagaan (Case 1991). Atau dalam ertikata yang lain beliau telah berjaya menjadikan negara ini sebagai *business country* (Liak Teng Kiat 1996: 217). Inilah yang dikatakan bahawa beliau sanggup mengambil risiko di atas kepimpinan politiknya.

Dalam menghadapi krisis politik dalaman nampaknya Mahathir adalah seorang pakar strategis yang teliti. Misalnya, Pemilihan UMNO 1987, yang menjadi bencana besar terhadap UMNO dan negara. Kesan langsung krisis berkenaan ialah UMNO diharamkan dan sebahagian daripada anggotanya telah berpecah kepada dua pasukan (team) (Case 1991: & Hussain 1992). Rentetan dari krisis itu beliau telah menjalankan pembedahan politik dengan serta merta (Fawzi Basri 1996: 7). Di antara tindakan drastik yang diambil ialah pengaruh Musa Hitam cuba dikurangkan dengan cara menukarkan sebahagian besar penyokong Musa yang memegang jawatan menteri kabinet ke kementerian yang kurang berpengaruh. Beliau menangani perletakan jawatan Musa Hitam dengan teliti apabila melantik Ghafar Baba, iaitu salah seorang daripada Naib Presiden UMNO, sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ghafar dipilih bukan kerana meritokrasi atau karismanya tetapi Mahathir dapat menilai bahawa Ghafar mempunyai jaringan sosial di kalangan anggota UMNO kerana Ghafar adalah tokoh veteran yang setia kepada parti dan sangat dihormati oleh ahli dan kepimpinan UMNO lainnya. Mahathir telah menggunakan pendekatan psikologi untuk menarik sokongan dan simpati ahli UMNO terhadapnya. Dalam masa yang sama beliau mula menonjolkan ketokohan Anwar Ibrahim ke dalam kepimpinan tertinggi UMNO (Milne & Mauzy 1999: 157; Case 1992: 185). Pengaruh Anwar digunakan pula

untuk mendapatkan simpati dari golongan muda untuk menyokong kepimpinannya.

Kelihatannya bahawa jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO bukan kedudukan yang terjamin untuk menggantikan tempat beliau sebagai Perdana Menteri. Timbalannya akan ditukar atau dikeluarkan dari hierarki kepimpinan tertinggi UMNO jika terdapat polemik atau masalah dengannya. Hakikat ini telah terbukti dengan isu perletakan jawatan Musa Hitam, pengunduran Ghafar Baba, dan pemecatan Anwar dari kerusi Timbalan Presiden UMNO. Ketiga-tiga bekas Timbalan Perdana Menteri ini mengundurkan diri dari hierarki pemerintahan dengan isu yang berbeza. Musa Hitam meletakkan jawatan dengan alasan beliau tidak boleh bekerjasama lagi dengan karenah Mahathir. Ghafar Baba terpaksa akur dengan kehendak golongan muda dalam UMNO yang dimanifestasikan oleh Perwakilan UMNO apabila beliau hanya mendapat satu sahaja pencalonan untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada Pemilihan UMNO 1993. Pada masa yang sama Mahathir juga mendapat desakan dari perwakilan dan golongan muda dalam UMNO supaya menggantikan Ghafar Baba dengan calon yang lebih inovatif, kreatif, intelektual dan Islamik. Manakala Anwar pula dipaksa meninggalkan jawatannya apabila beliau dianggap menderhaka dan boleh mendatangkan bencana besar terhadap kesinambungan kuasa Mahathir dan kroninya.

Karisma Dr. Mahathir semakin terserlah apabila beliau berjaya menangani persoalan kepimpinan Melayu dengan raja-raja Melayu. Dalam mengatasi polemik pengurangan hak kekebalan raja, beliau perlu mendepani kedua-dua pihak untuk kepentingan Melayu dan UMNO. Jika gagal menangani masalah ini dengan baik, risikonya orang Melayu akan menjauhi UMNO kerana bagi orang Melayu raja adalah simbol ketuannya. Mahathir "bernasib baik" kerana dalam waktu yang sama terjadi beberapa 'insiden' yang melibatkan raja-raja Melayu telah menjadi bukti bahawa golongan raja juga perlu dibatasi mengikut undang-undang negara. Beberapa insiden yang membuktikan tingkah laku buruk segelintir raja-raja Melayu telah membuka pemikiran orang Melayu bahawa UMNO perlu melakukan sesuatu untuk melindungi kepentingan golongan rakyat. Oleh itu, tindakan imunisasi raja-raja Melayu yang dilakukan oleh kepimpinan Mahathir telah mendapat sokongan rakyat.

Dalam pada itu, terdapat apresiasi dan anggapan bahawa ciri kepimpinan Mahathir nampaknya sangat liberal (Khoo 1995) jika dibandingkan dengan kepimpinan yang terdahulu. Pada tahap awal penglibatannya dalam politik beliau dianggap sebagai ultra Melayu (Wan Hashim 1996), kemudiannya beliau digelar sosialis-nasionalis. Semasa krisis pemilihan UMNO 1987 pula, beliau digelar 'diktator' oleh pengkritiknya (Tunku 1979). Beliau juga pernah digelar nasionalis kapitalis (Jomo 1988 & 1989), kemudian pada tahun-tahun 1990-an digelar '*bureaucratic authoritarian*' (Fauzi 1996) dan akhir-akhir ini digelar 'liberal' kerana sikapnya yang terbuka (Atory 1996: 17). Selepas isu pemecatan Anwar Ibrahim, kepimpinan beliau digelar 'kejam dan zalim' (Chandra 1998). Jika pada awal

penyertaannya dalam UMNO, Tunku menjadi sasaran kritiknya kerana berkompromi dengan orang Cina, kini Mahathir juga dilihat lebih banyak berkompromi serta bersikap lebih liberal terutama dalam bidang sosio ekonomi terhadap bukan Melayu (Case 1992: 193). Jawatan-jawatan penting di Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan serta penggiliran sistem Ketua Menteri Sabah telah diagihkan kepada orang Cina. Fenomena ini belum pernah dilakukan oleh kepimpinan UMNO terdahulu.

Untuk memastikan negara ini menjadi negara maju, Mahathir telah membuka seluasnya pelaburan dan pasaran tempatan kepada pelabur asing. Dengan cara ini akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan, pendapatan dan mempercepat pemindahan teknologi. Bagi memastikan kemajuan bergerak seiring dengan perkembangan pendidikan beliau telah melonggarkan syarat penubuhan kolej-kolej swasta. Tindakan ini dianggap sebagai memenuhi tuntutan bukan Melayu (Case 1993: 125). Oleh yang demikian, kedudukan beliau menjadi bertambah popular. Pihak pembangkang terutama DAP dan pertubuhan NGO, yang mewakili golongan Cina yang selama ini sentiasa menekan kepimpinan Melayu agar memberikan ruang yang lebih luas kepada pendidikan golongan etnik lain terus mendapat perhatiannya. Hal ini dibuktikan melalui penubuhan universiti-universiti yang ditaja oleh parti-parti politik berasaskan etnik seperti Parti Progresif Rakyat (PPP), Gerakan, MIC dan MCA sama ada yang telah dibentuk atau yang masih dalam perancangan.

Kesan globalisasi yang melanda dunia menyebabkan Mahathir telah melakukan berbagai strategi untuk kesediaan Malaysia menerima arus globalisasi. Antaranya akur dengan pentingnya teknologi maklumat, pembentukan Cyber Jaya, dan menguasai bahasa asing di kalangan rakyat Malaysia (Mahathir 2003). Namun, di penghujung era kepimpinannya, beliau menegaskan kembali ancaman bentuk baru globalisasi apabila adanya agenda Barat dalam politik antarabangsa baru. Hal ini telah didedahkan dalam Perhimpunan Agung UMNO Jun 2003 apabila adanya ancaman penjajah bentuk baru oleh negara kuasa besar atas nama globalisasi. Di samping itu beliau juga cuba memperbetulkan persepsi Barat bahawa Islam bukan militan atau terorisme. Tindakan ini membuktikan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang peka terhadap isu-isu dan keperluan semasa yang melibatkan politik antarabangsa.

KESIMPULAN

Dalam merealisasikan peranan sebagai kepimpinan utama sesebuah negara, seseorang pemimpin perlu menggunakan kebijaksanaannya dengan mengambil kira suasana dan keadaan dalam segala pendekatan yang bakal diambil. Tidak mudah pula untuk membaca dan mentafsir faktor dalaman sama ada faktor berkenaan sesuai, berkesan atau luwes terhadap tindakan yang bakal dilakukan. Begitu juga halnya dengan kepimpinan politik Melayu yang merujuk kepada

kepimpinan UMNO dan yang berperanan mencorak nuansa gerak budaya politik Malaysia. Asas politik Melayu tradisional masih kental mewarnai kepemimpinan politik Melayu ketika era Tunku. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka Tunku terpaksa mengharungi berbagai cabaran baik dalaman atau luaran. Ketika menangani cabaran itu terserlah kepemimpinan konservatif dan toleransi dari Tunku yang bijak mengatur strategi, menggunakan pengaruhnya sebagai pemimpin dan memanipulasi tujuan akhir terhadap keputusan politiknya.

Tindakan menyingkirkan pengkritik terhadap dasar dan kepemimpinannya menggambarkan pendekatan konservatif yang merupakan manifestasi dari budaya politik Melayu tradisional bahawa pengikut atau rakyat harus taat dan patuh melulu kepada pemimpin (raja). Pendekatan ini nampaknya bersesuaian dengan konsep kepemimpinan autoriti tradisional menurut Weber (1968). Faktor kompromi ketika memperjuangkan kemerdekaan dari cengkaman kolonial telah mengikat Tunku dalam beberapa tindakannya sehingga Tunku dikritik lebih toleransi dan liberal terhadap etnik Cina. Oleh kerana keterikatan itu, kedudukan sosioekonomi Melayu gagal diperjuangkan.

Kemunculan Tun Razak sebagai pengganti Tunku lebih menonjolkan ciri kepemimpinan Melayu yang progresif dan serius untuk membangunkan semula sebuah negara yang baru dilanda krisis etnik. Beberapa tindakan Tun Razak telah menjadi perintis kepada era baru untuk membangunkan sosioekonomi golongan Melayu dengan komitmen kerajaan secara langsung. Berdasarkan konsep kepemimpinan politik dan sistem, beliau telah memenuhi beberapa kriteria, misalnya memainkan peranan dan mengambil tindakan, menggunakan pengaruh dan kemampuan peribadi, latar belakang dan menggerakkan pengurusan organisasi (Piege 1977) yang disatukan untuk memangkin kepemimpinannya. Baginya kerajaan bukan hanya berkuasa tetapi kuasa pemerintahan yang absah harus dimanfaatkan untuk kepentingan semua pihak. Justeru itu Barisan Nasional dibentuk untuk tujuan tersebut yang menjadi sumber kuasa kepemimpinannya.

Kepimpinan beliau tidak berpanjangan apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1976 dan tempatnya digantikan oleh Hussein Onn. Beberapa dasar di bawah kepemimpinan Tun Razak diteruskan oleh Hussein terutama dalam bidang pendidikan dan teknikal. Dalam mengharungi kepemimpinannya, Hussein Onn mendapat cabaran apabila ditentang secara demokratik oleh anggota UMNO. Satu hakikat yang belum pernah berlaku dalam UMNO sebelum ini apabila kepemimpinan tertinggi (presiden) dicabar oleh anggota bawahan. Dalam menangani masalah ini, Hussein telah menggunakan beberapa elemen kepemimpinan dengan menggunakan kuasa dan pengaruhnya demi keberlangsungan politiknya. Ini membuktikan bahawa asas politik Melayu tradisi mula terurai dari rangkainya dan memperlihatkan juga ciri kepemimpinan biasa (monoton) Hussein Onn yang bersifat mendatar dan gagal membawa banyak perubahan dalam eranya.

Kepimpinan Melayu era Mahathir memperlihatkan lebih banyak transformasi serta perbezaan berbanding dengan kepemimpinan sebelumnya. Faktor yang menghalang banggunya bangsa Melayu yang sebelum ini sukar dipecahkan

oleh kepimpinan terdahulu telah dapat dilakukan dengan berani. Ciri kepimpinan liberal dan autoritariannya (Crouch 1996) kelihatan bukan sahaja untuk membawa keluar orang Melayu dari takrifan berdasarkan geografi, tetapi turut meletakkan sebilangan orang Melayu sebagai jutawan dan ahli korporat yang disegani. Di samping itu beliau juga menghadapi pelbagai cabaran dan hambatan dalam mengharungi era kepimpinannya tetapi dengan karisma yang ada padanya sebahagian masalah berkenaan berjaya diatasi. Dalam menganalisa kepimpinannya, beliau nampaknya memang memiliki autoriti karismatik yang dinyatakan oleh Weber (1968). Di samping itu sistem merupakan faktor yang menjadi pendorong kepada kejayaan Mahathir dalam mengharungi kepimpinannya. Dengan kepintaran, kelicikan dan kebijaksanaan dalam menyusun dan mengolah strategi-strategi ia turut menjadi faktor penting bagi keberlangsungan politiknya.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. 1996. Pengundi dan Aktor Politik di Belakang Pentas. *Dewan Budaya*, Januari: 56-58.
- Ahmad Fawzi Basri. 1996. Mahathirisme: Suatu Pemetaan Politik Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia. Bangi. UKM. 16-17 Julai.
- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ATMA. 1988. *Memorandum Bangsa Melayu dalam Pembangunan*. Bangi: UKM.
- Aminudin Yusuf. 1996. Erti Kepimpinan Politik dan Masyarakat Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia, UKM, Bangi, 16-17 Julai.
- Aminudin Yusuf & Mohd. Ali Kamarudin. 1988. *Kepimpinan Pemuda UMNO*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Case, C. M. 1933. Leadership and Conjuncture. *Sociology and Social Research* 17: 510-513.
- Case, W. 1991. Comparative Malaysian Leadership: Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad. *Asian Survey* 31(5): 456-473.
- _____. 1992. Malaysia in 1992: Sharp Politics, Fast Growth and a New Regional Role. *Asian Survey* 32(2): 184-193.
- _____. 1993. Malaysia in 1993: Accelerating Trends and Mild Resistance. *Asian Survey* 34(2): 119-126.
- Chamil Wariya. 1985. *Siapa Kuasai UMNO*. Petaling Jaya. Media Intelek Sdn. Bhd.
- _____. 1989. Leadership Change and Security in Malaysia: From the Days of the Tunku to Dr. Mahathir Mohamad. *Contemporary Southeast Asia* 11(2): 160-185.
- Cleary, M. & B. Shaw. 1994. Ethnicity, Development and the New Economic Policy: The Experience of Malaysia 1971-1990. *Pacific Viewpoint* 35(1): 83-106.
- Funston, N. J. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Fauzi Yaacob. 1997. Keusahawanan Melayu dalam Dekad 90-an: Perkembangan dan Isu. Dlm. Norazit Selat et al., *Meniti Zaman Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Moden*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.

- Gale, B. 1984. *Politics and Public Enterprise in Malaysia*. Singapore: Eastern Univ. Press.
- Ghapa Harun & Nik Anuar Nik Mahmud. 1996. Tun Abdul Razak: Kepimpinan Politik dan Peranannya dalam Pembangunan Ekonomi Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia, UKM, Bangi, 16-17 Julai.
- Ghazali Shafie. 1996. Kepimpinan Politik Negara. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia, UKM, Bangi, 16-17 Julai.
- Goh Cheng Teik. 1971. *The May 13 Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Gullick, J. M. 1978. Terj. DBP. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Hari Singh. 1995. UMNO Leaders and Malay Rulers: The Erosion of a Special Relationship. *Pacific Affairs* 68(2): 187-205.
- Hasan Mohamad Ali. 1984. Leadership Factors Associated with the Effectiveness of the Malaysian Grass-roots Development Machinery (village development and security committee) in Peninsular Malaysia. Ph. D Thesis, Univ. of Wisconsin Madison.
- Herman, M. G. 1977. Introduction: A Statement of Issues. Dlm. Herman, M. G. et al., *Psychological Examination of Political Leaders*, p.p. 1-24. New York: Free Press.
- Ho Khai Leong. 1994. Malaysia: The Emergence of a New Generation of UMNO Leadership. *Southeast Asian Affairs*: 179-193.
- Hussain Mohamed. 1977. Pembentukan dan Manifestasi Politik Desa. Dlm. Zainal Kling, *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- _____. 1992. Mencari Wira dalam Politik Melayu Masa Kini: Antara Tuah dan Jebat dalam UMNO dan Semangat 46. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 7: 90-103.
- _____. 1996. Kepimpinan Politik Melayu: Sumber, Bekalan dan Masalah Kesenambungan Masa Depan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia, UKM, Bangi, 16-17 Julai.
- _____. 1998. Keajaiban UMNO: Sistem Sokongan dan Kelangsungan Sesebuah Parti Politik Melayu. Dlm. Hashim Awang, Zahir Ahmad, Zainal Abidin Borhan, *Pengajian Sastera dan Sosio-budaya Melayu: Memasuki Alaf Baru*. Universiti Malaya: Akademik Pengajian Melayu.
- Kamarul Ariffin. 1997. Korporat Melayu dan Alaf Baru. *Pemikir*. Oktober: 36-59.
- Keesing, R. M. 1989. Terj. Samuel Gunawan. *Antropologi Budaya: Suatu Perspektif Kontemporer*. Jakarta: Erlanga.
- Khoo Boo Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathir: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kellerman, B. 1984. Leadership as a Political Act. Dlm. Kellerman, B., *Leadership: Multidisciplinary Perspectives*: hal: 63-89. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Liak Teng Kiat. 1996. Malaysia; Mahathir's Last Hurrah. *Southeast Asian Affairs*: 217-237.
- Mahathir Mohamad. 1982. Terj. Ibrahim Saad. *Dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mahadzir Mohd. Khir. 1997. Proses Transformasi Politik Malaysia: Dari Raja ke Rakyat. Dlm. Norazit Selat, Hashim Awang & Norisham Osman. *Meniti Zaman Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Moden*. UM: Akademi Pengajian Melayu.

- Milne, R. S. & K. M. Diane. 1999. *Malaysian Politics Under Mahathir*. London: Routhledge.
- Mustafa Ali Mohamad. 1985. *Tun Hussein Onn*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Pigie, C. D. 1977. *The Scientific Study of Political Leadership*. New York: Free Press.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: UM.
- Ranjit Gill. 1987. *Razalieggh: Cita-cita & Perjuangan*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Schiffer, I. 1973. *Charisma: A Psychoanalytic Look at Mass Society*. New York: The Free Press.
- Shamsul Amri B. 1982. Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-ekonomi Malaysia. Dlm. *Persatuan Sejarah Malaysia; Sejarah dan Proses Perkembangan*. Kuala Lumpur: PSM.
- _____. 1988. The Battle Royal: The UMNO Elections of 1987. *Southeast Asian Affairs* 170-187.
- _____. 1990. Kepimpinan Melayu: Jenis, Pola dan Peranan. *Masyarakat Malaysia yang Membangun*, hlm. 100-110. Kuala Lumpur: DBP.
- Shaharuddin Maaruf. 1988. *Malay Ideas on Development: From Feudal Lord to Capitalist*. Singapore: Times Books Int.
- Shaw, W. 1977. *Tun Razak*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Tunku. 1979. *Sudut Pandangan*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Wan Hashim Wan Teh. 1996. Kepimpinan Dr. Mahathir: Beberapa Kekuatan dan Kelemahan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kepimpinan Politik Malaysia, UKM, Bangi, 16-17 Julai.
- Weber, M. 1968. Ed. S. N. Eisenstadt. *On Charisma and Institution Building*. London: University of Chicago.
- Yusuf Harun. 1991. *Tunku: Idealisme dalam Kenangan*. Penang: Yayasan Bumiputera.
- Yusuf Hashim. 1996. *Wira Melayu dalam Konteks Patriotisme Zaman Kesultanan Melayu Melaka*. Dlm. Abdul Latif Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainuddin Maidin. 1994. *Mahathir di Sebalik Tabir*. Petaling Jaya: Utusan Publication.

Jamaie Haji Hamil
Program Sains Politik
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

